

Pengendalian Hab Halal di Pelabuhan: Kajian Kes di Northport Malaysia

Nurul Ain Sa'ad¹, Nor Hazana Abdullah^{1,*}, Nor Kamariah Kamarudin¹

¹Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, 86400, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/rmtb.2020.01.01.010>

Received 30 September 2020; Accepted 01 November 2020; Available online 01 December 2020

Abstract: Halal logistics is defined as the process of transportation, warehousing, material handling, and related activities which comply with the general principles of Sharia (Islamic law). Although there many related studies on halal logistic, studies related to the handling of Halal Hub is very limited. The handling of Halal Hub is also unclear. Therefore, this study focuses on process control work exclusively Halal Hub in Northport Malaysia and explore the factors that influence the work process control Halal Hub in Northport. This study is a single case study which focused on Northport Malaysia. Interviews and observations were used for data collection. Interviews conducted with four respondents who are experts in handling Halal Hub in Northport. Among those being interviewed were the Syariah Compliance Manager, Supervisor of the halal hub, Executive Logistic Operation and warehouse clerk in Northport. The interview data were analyzed using data reduction, data display and data conclusion. The study found that the handling of Halal Hub difficult to implement because there are no specific guidelines in implementing it. Additionally, there is less demand from the industry for Halal hub as majority of exporters in Northport are non Muslim. The low demand from industries has adverse affect on Northport in terms of costing. The investment of halal hub is not cost effective when there is no demand from industries. The process of preparing Halal Hub is also claimed to be complicated because it involves high costs and longer preparation time of halal warehouses.

Abstrak: Logistik halal ditakrifkan sebagai proses pengangkutan, pergudangan, pengendalian bahan, dan aktiviti seumpamanya yang mematuhi prinsip-prinsip umum Syariah (Undang-undang Islam). Walaupun terdapat pelbagai kajian berkenaan dengan logistik halal di Malaysia, masih kurang kajian dalam pengendalian hab halal. Oleh itu, kajian ini bertujuan bagi meneroka perlaksanaan kerja Hab Halal di Northport serta faktor yang mempengaruhi proses kerja tersebut. Justeru itu, kajian ini memfokuskan tentang proses kerja pengendalian Hab Halal secara khusus di Northport Malaysia serta meneroka faktor yang mempengaruhi proses kerja pengendalian Hab Halal di Northport. Kajian ini merupakan kajian kes tunggal di mana data dikumpul dari temubual dan pemerhatian. Temubual dijalankan bersama empat orang responden yang pakar di dalam pengendalian Hab Halal ini di Northport Malaysia iaitu Pengurus bahagian Syariah Compliance, Supervisor,

*Corresponding author: hazana@uthm.edu.my

2020 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/rmtb

Executive Logistic Operation dan kerani gudang di Northport. Lawatan ke Northport dibuat bagi membuat pemerhatian terus proses pengedalian hab halal. Data temubual telah dianalisis dengan menggunakan kaedah pengurangan data, paparan data dan rumusan data. Hasil kajian mendapati, pengendalian Hab Halal sukar dilaksanakan kerana tiada garis panduan yang khusus dalam melaksanakannya. Selain itu, permintaan bagi hab halal sangat terhad kerana majoriti daripada pengeksport adalah bukan daripada komuniti muslim. Hal ini merugikan pihak Northport kerana tempat yang disediakan khusus untuk barang halal tidak mendapat sambutan. Proses penyediaan Hab Halal ini juga dikatakan rumit kerana melibatkan kos yang tinggi serta masa yang lama dalam penyediaan gudang halal itu.

Kata Kunci: Logistik halal, Hab halal, Pelabuhan

1. Pengenalan

Dalam era modenisasi abad ini, konsep Halal telah mendapat perhatian daripada seluruh pelosok dunia. Ini adalah disebabkan oleh hakikat bahawa permintaan untuk produk halal semakin meningkat setiap tahun akibat daripada kenaikan penduduk Islam di peringkat global yang merupakan kira-kira 1.8 billion (Ahmad Hidayat Buang et al., 2013) dan dijangka akan meningkat kepada 2.2 billion pada tahun 2030. Halal bukan sahaja memberi tumpuan kepada makanan semata mata, tetapi juga dalam sektor-sektor farmaseutikal, kosmetik dan lain-lain. Pembangunan produk halal pula dirangsang melalui penetapan kawasan-kawasan tertentu di setiap negeri di Malaysia yang juga dikenali sebagai hab halal.

Selain itu, halal juga termasuk di dalam keseluruhan rantaian bekalan dari sumber bahan mentah kepada pembuatan, pengangkutan, penyimpanan dan pengendalian bahan. Dalam usaha untuk memastikan bahawa produk tersebut adalah halal, ia memerlukan satu prosedur tertentu tentang pengendalian, pengangkutan, penyimpanan dan pembuatan. Oleh itu, untuk memastikan status halal sesuatu produk, ia perlu dilihat dari keseluruhan pergerakan produk. Dalam erti kata lain, jika makanan tidak dikendalikan atau disimpan dengan sewajarnya, ia tidak akan dianggap sebagai halal (Shah Alam, Ali, & Mohd. Jani, 2011).

1.1 Latar belakang Kajian

Kajian kes ini dijalankan di Northport atau Northport Berhad, dimana ia terletak di Klang Selangor. Northport menawarkan kemudahan perkhidmatan yang serba lengkap dan canggih untuk mengendalikan sebarang jenis dagangan. Ia juga merupakan pelabuhan pemindahan ke-13 tersibuk di dunia pada tahun 2004. Sebagai satu-satunya pelabuhan Malaysia dengan Habungkan yang meluas dalam perkapalan global, Northport, menawarkan perkhidmatan dalam rantaian pengangkutan dan logistik untuk pengilang dan pengeluar produk halal dalam jangkauan pasaran global mereka. Selain itu, dengan rangkaian lebih daripada 80 syarikat perkapalan, Northport menyediakan perkhidmatan penghantaran langsung yang menghubungkan lebih 200 pelabuhan di Asia, Eropah, Mediterranean, Afrika dan Timur Tengah, dan kepada satu bilion pasaran pengguna Islam di peringkat global. Logistik Halal di Northport adalah satu platform untuk mengendalikan barang dan aktiviti perdagangan yang Halal. Ia melibatkan proses merancang, melaksana dan menguruskan, aliran yang lancar dan penyimpanan bahan mentah yang disahkan Halal (<http://www.mia.org.my/at/at/200709/10.pdf>).

1.2 Penyataan Masalah

Pengurusan rantaian bekalan halal tidak hanya memfokuskan kepada bagaimana proses penghantaran barang semata-mata, tetapi merangkumi keseluruhan proses bermula daripada pengeluar sehingga pengedaran barang. Semua pihak perlu memainkan peranan penting dalam menangani isu yang berkaitan pengurusan rantaian bekalan halal agar integriti sesuatu barang terjamin.

Walaubagaimanapun, beberapa masalah telah dikenalpasti dalam kajian ini, Menurut Pengarah Komunikasi, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman, terdapat beberapa faktor yang membantutkan perkembangan industri halal. Antara faktor tersebut adalah, pengeluaran produk dan makanan dikuasai oleh orang bukan Islam dan kekurangan rantaian bekalan bahan makanan halal. Statistik pada tahun 20110 menunjukkan 74.7 peratus pemegang sijil halal Malaysia adalah bukan Bumiputera bagi kategori produk, premis makanan dan rumah sembelihan.

Selain daripada itu, Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Pulau Pinang pernah merampas dua kontena sarat berisi daging babi bercampur daging ayam yang dibawa masuk dari Hong Kong dalam serbuan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) (Utusan Malaysia, 2013). Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti punca dan masalah yang menyebabkan industri logistik terutamanya dari aspek syarikat perlabuhan enggan menggunakan rantaian bekalan halal. Pada masa yang sama, kajian lepas yang mengkaji isu halal di pelabuhan ini adalah terhad.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan permasalahan dan jurang empirikal yang dikenalpasti, maka persoalan kajian telah dibentuk seperti berikut;

- (i) Bagaimakah perlaksanaan kerja di Hab halal dilaksanakan di Northport?
- (ii) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi proses kerja Hab Halal di Northport?

1.4 Objektif Kajian

Selari dengan persoalan kajian yang dibentuk, maka objektif kajian adalah seperti berikut;

- (i) Meneroka proses kerja pengendalian Hab Halal di Northport
- (ii) Meneroka faktor yang mempengaruhi proses kerja pengendalian Hab Halal di Northport.

1.5 Kepentingan Kajian

Dengan adanya kajian ini maka industri logistik halal dapat dijadikan rujukan sebagai pelaksanaan rantaian bekalan halal pada masa akan datang dengan lebih baik. Bukan hanya di Northport tetapi di seluruh pelabuhan di Malaysia dan masyarakat global Islam. Bahkan, pelaksanaan kaedah ini mampu untuk menjaga integriti dan kualiti produk halal yang terjamin tahap kebersihannya. Oleh itu, kajian ini akan memberikan kepentingan kepada:

- (i) Penyelidik Akademik: Menjadirujukan untuk penyelidik akademik berkenaan dengan pengurusan rantaian bekalan halal serta halal logistik dan memberi penambahbaikan untuk kajian sedia ada.
- (ii) Industri Rantaian Bekalan Halal & Logistik Halal: Melalui kajian ini, industripelabuhan berkenaan dgn Rantaian Bekalan serta logistic Halal di Malaysia akan lebih terdedah dengan kepentingan dalam mengatasi isu dan cabaran dalam pengendalian logistik halal.

1.6 Skop Kajian

Kajian ini merupakan kajian kes tunggal yang dijalankan di NorthportMalaysia dimana ia memfokuskan tentangsistem pengendalian pengurusan rantaian bekalan halal dalam industri perlabuhan.Responden terdiri daripada Pengurus bahagian Syariah Compliance, Supervisor, Executive Logistic Operation dan kerani gudang di Northport Malaysia.

2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur dilaksanakan bagi meneroka isu dan konsep logistik halal dan juga kajain-kajian yang telah dijalankan sebelum ini.

2.1. Industri Halal di Malaysia

Malaysia mempunyai kelebihan saingen dalam pembangunan industri halal. Jaringan permintaan pengguna Muslim terhadap produk, barang dan makanan halal semakin meluas telah merancakkan lagi industri ini bukan sahaja di Malaysia bahkan di serata dunia. JAKIM berhasrat menjadikan pengesahan halal Malaysia sebagai model serta peneraju utama dalam pengeluaran sijil halal sama ada di peringkat nasional mahu pun di arena antarabangsa (Buletin Halal, Disember 2009). Oleh itu, inisiatif Malaysia memperkenalkan Perbadanan Pembangunan Industri Halal atau Halal Industry Development Corporation, HDC yang menyelaras pembangunan keseluruhan industri Halal di Malaysia. Dalam ke arah membina komuniti Halal global, HDC membawa industri Halal Malaysia secara serentak ke arah matlamat yang sama iaitu dengan memupuk pertumbuhan dan penglibatan perniagaan tempatan ke pasaran Halal global. Jelas sokongan institusi yang padu oleh kerajaan dapat membangunkan industri halal di Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai hab utama bagi produk halal di peringkat antarabangsa, beberapa agensi-agensi persekutuan juga telah ditugaskan untuk melaksanakan peranan pembangunan ini yang diketuai oleh Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC).

2.2 Pengurusan rantaian bekalan.

Pengurusan rantaian bekalan juga adalah satu pendekatan yang mana seluruh rangkaian bermula dari pembekal kepada pengguna utama, dianalisis untuk mencapai hasil terbaik untuk keseluruhan sistem. Ia termasuk menganalisis tahap dan lokasi rantaian bekalan, inventori, pengurusan aliran maklumat di sepanjang saluran, dan menyelaraskan usaha-usaha untuk memenuhi keperluan pelanggan (C. & M., 1993). Menurut Ketchen *et al.* (2008), perkembangan rantaian bekalan adalah melalui beberapa peringkat iaitu:

- (i) Untuk meningkatkan integrasi antara organisasi dan penyelarasan, iaitu dari segi pelaksanaan yang menjangkau keseluruhan rantaian bekalan bermula dari sumber awal dan akhir (pembekal kepada pengguna).
- (ii) Melibatkan banyak organisasi bebas. Oleh itu, menguruskan Habungan antara dan sesebuah organisasi adalah amat penting.
- (iii) Ia melibatkan aliran produk (bahan- bahan dan perkhidmatan) dan maklumat, aktiviti-aktiviti pengurusan dan operasi yang berkaitan.
- (iv) Memenuhi permintaan pelanggan dengan penggunaan sumber yang sesuai dan membina Habungan rangkaian yang berdaya saing.

2.3 Pengurusan rantaian bekalan halal dan logistik Halal

Pengurusan rantaian bekalan adalah satu proses dimana ia bermula daripada proses pembuatan sehinggaalah bekalan itu sampai ke pelanggan. Dalam pengurusan rantaian bekalan Halal, ia juga

termasuk di dalam keseluruhan rantaian bekalan dari sumber bahan mentah kepada pembuatan, pengangkutan, penyimpanan dan pengendalian bahan. Oleh itu, untuk memastikan status halal sesuatu produk, ia perlu dilihat dari keseluruhan pergerakan produk.

Integriti halal sesebuah produk itu bergantung pada rantaian bekalan halal yang membezakan dengan rantaian bekalan makanan yang tidak halal kerana rantaian bekalan makanan yang halal mempunyai piawaian dan undang-undang yang perlu dipatuhi (Manzouri, Nizam Ab Rahman, Saibani, & Rosmawati Che Mohd Zain, 2013).

Sementara itu, Manzouri *et al.* (2013) menjelaskan peringkat rantaian bekalan makanan halal termasuklah makanan halal tersebut perlu dibungkus dengan baik dan bersih daripada najis, tidak diuruskan dengan bahan yang bercampuran dengan bahan najis, reka bentuk, simbol, logo, nama dan gambar bungkusan dan pengiklanan produk tersebut tidak bertentangan dengan undang-undang syariah dan pengangkutan yang digunakan juga dalam keadaan bersih, dan bersesuaian dengan produk halal yang dibawa.

2.4 Hab Halal di pelabuhan

Hab Halal di Northport adalah satu platform untuk mengendalikan barang dan aktiviti perdagangan yang Halal. Ia melibatkan proses merancang, melaksana dan menguruskan, aliran yang lancar dan penyimpanan bahan mentah yang disahkan Halal. Justeru itu, mengembangkan hab Halal di Northport adalah satu langkah penting dalam memenuhi piawaian untuk melindungi kualiti produk yang menuntut kejaminan kebersihan dan pematuhan dari sudut syariat agama Islam. Selain itu, Northport juga mempunyai 4 gudang penyimpanan barang yang dinamakan D1, D2, D3 dan D4. Keempat-empat gudang ini dibahagikan mengikut jenis barang. Setiap gudang mengandungi slot yang tertentu daripada jumlah kawasan yang berbeza kaki persegi untuk mana-mana syarikat yang ingin menyewakannya. Kontrak sewaan adalah bergantung kepada pelanggan seperti berapa lama mereka mahu menyimpan barang-barang mereka.

2.5 Piawaian berkaitan halal

Menurut Hassan (2016), keperluan untuk mewujudkan satu piawaian halal global kini adalah merupakan isu yang paling dititikberatkan dalam industri halal. Piawaian halal Malaysia diiktiraf di seluruh dunia, bukan sahaja di negara Islam malah juga di negara bukan Islam. Halal Malaysia menepati standard ISO - MS1500: 2004 - Standard untuk Pembuatan, Pengendalian dan Penyimpanan 21 makanan halal (<http://www.jsm.gov.my/ms-1500-2009-halal-food>). Menurut kajian daripada Afifi *et al.* (2013) piawaian halal di Malaysia telah dibangunkan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada perwakilan yang seimbang daripada pengeluar dan pengguna. Standard Malaysia sejarah dengan penggunaan piawaian antarabangsa. Kelulusan yang diperoleh oleh Standard Malaysia ditadbir oleh Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549).

2.6 Pengangkutan halal

Perkara utama yang perlu dititikberatkan adalah mengenai proses pengangkutan dan pergudangan barang halal perlu diasingkan untuk mengelakkan berlakunya pencemaran makanan halal (Riaz & Chaudry, 2004). Menurut Talib *et al.* (2010) peralatan yang digunakan untuk mengendalikan barang makanan halal tidak perlu dikongsi bersama barang yang tidak halal kerana akan mencemarkan integriti halal barang tersebut. Kebanyakan industri logistik kurang menitikberatkan isu halal kerana masih terdapat lagi produk halal dan tidak halal di dalam satu lori dan di dalam gudang yang sama. Aktiviti pengangkutan di logistik halal memainkan peranan yang penting agar tiada pencemaran berlaku antara barang halal dan tidak halal (Omar & Jaafar, 2011).

2.7 Isu perlaksanaan aktiviti Halal

Isu-isu umum yang dihadapi dalam industri Halal seperti yang disebut oleh Shafie dan Othman (2006), ialah pensijilan Halal dimana tidak ada garis panduan tentang Halal yang seragam kerana kargo yang datang dari pelbagai negara dan tidak semua pensijilan Halal diiktiraf oleh JAKIM. Ketidaaan pensijilan atau logo Halal yang bersifat universal di seluruh dunia menimbulkan masalah dalam mengekalkan integriti Halal di seluruh rantaian bekalan.


Pada masa ini, terdapat lebih daripada 122 badan-badan pensijilan Halal yang terdiri daripada kerajaan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, masjid tempatan atau masyarakat Islam (Ahmad Hidayat Buang, 2013). Kekurangan garis panduan Halal yang lebih spesifik dan seragam juga menyebabkan proses yang berpanjangan dan kos yang lebih tinggi. Malah sesetengah berpendapat bahawa logistik halal di Malaysia masih di peringkat baru dan belum ada lagi syarikat logistik dikenalpasti berjaya dalam mengamalkan logistik Halal ini (Kamaruddin, Iberahim, & Shabudin, 2012).

Dalam pada itu, konsep rantaian bekalan halal adalah mengelirukan kerana kurang pendedahan mengenainya dan ini telah disalah tafsir oleh sesetengah industri. Bagi mereka, rantaian bekalan halal ini memerlukan kos tambahan yang banyak dan ia boleh membebankan syarikat itu tanpa mengetahui keadaan sebenar. Hal ini demikian kerana, majoriti pembekal perkhidmatan logistik Halal masih kurang pengetahuan dan pakar dalam menjalankan logistik Halal (Talib & Johan, 2012).

Seterusnya, isu kerjasama antara industri logistik Halal dengan JAKIM dan Halal Development Corporation atau HDC. Sebelum ini, perkara yang melibatkan pensijilan seperti permohonan baru, permohonan semula, audit, dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa HDC. Walaubagaimanapun dalam 2011, semua tanggungjawab beralih kepada JAKIM dan ini menyebabkan kekeliruan dan membuatkan proses yang sukar. Peralihan kuasa pensijilan menyebabkan permohonan mengambil masa yang lebih lama dan melecehkan. Selain itu, prosedur JAKIM adalah sukar untuk dipatuhi dan tidak efektif dari segi kos (Talib & Johan, 2012).

3. Metodologi Kajian

Berdasarkan fitrah kajian yang berbentuk penerokaan, maka kajian berbentuk kualitatif adalah lebih sesuai bagi menjawab persoalan kajian yang dibentuk. Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi proses penyelidikan ini.



Rajah 1: Carta alir proses penyelidikan

3.1 Reka bentuk kajian

Kajian ini merupakan kajian kes tunggal yang dijalankan di Northport Malaysia dan dijalankan dalam bentuk kualitatif. Pendekatan kajian kes ini merupakan pendekatan penyelidikan kajian yang memaparkan gambaran yang sebenar terhadap sesuatu situasi Patton (1990). Kajian kes yang dijalankan di Northport ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran khusus terhadap isu semasa berkaitan dengan pengendalian dalam Hab Halal di Northport. Sementara itu, data kualitatif pula terhasil daripada tiga jenis data iaitu hasil pemerhatian, hasil perbicaraan dan kajian ini menggunakan hasil perbicaraan iaitu kaedah temubual, lawatan kajian. Dalam pada itu, kaedah temubual separa struktur digunakan.

3.3 Populasi dan Persampelan kajian

Oleh kerana kajian ini berbentuk kajian kes tunggal, populasi kajian ini fokus di Northport Malaysia yang bertempat di Klang, Selangor. Pensampelan adalah proses pemilihan daripada sesuatu populasi untuk dijadikan responden kajian. Jenis sampel kajian yang digunakan adalah persampelan bertujuan dimana kaedah ini hanya fokus kepada responden tertentu dan berdasarkan bidang kepentingan yang khusus justeru dapat menjawab persoalan kajian.

3.4 Kaedah pengumpulan data

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui temubual dan lawatan kajian. Manakala data yang akan digunakan dalam kajian ini adalah data primer yang merupakan sumber utama dan juga data sekunder yang merupakan sumber kedua bagi menjalankan kajian ini. Dalam pada itu, kaedah pemerhatian serta temuramah dilakukan bagi pengumpulan data dalam kajian ini.

3.5 Data analisis

Analisis data dibuat adalah untuk mendapatkan keputusan dan kesimpulan tentang maklumat yang diperoleh daripada responden (Miles, Huberman, & Saldana, 2014). Kajian ini menggunakan

analisis kaedah kualitatif. Data yang diperolehi dari sesi temu bual yang diadakan telah dianalisis melalui tiga peringkat iaitu;

- (i) Pengurangan Data - data yang diperoleh daripada responden mengambil kira data yang berkaitan dengan objektif kajian sahaja.
- (ii) Paparan Data - data boleh dipaparkan sama ada dalam bentuk jadual, graf, diagram, peratusan dan lain-lain.
- (iii) Membuat Kesimpulan - kesimpulan bagi data kajian yang diperoleh.

4. Analisa Data dan Dapatan Kajian

Analisa data merangkumi pengumpulan data

4.1 Pengumpulan data

Pengumpulan data untuk kajian ini dibuat berdasarkan soalan semi struktur temubual di Syarikat Northport. Data yang dikumpul adalah dalam bentuk rakaman audio dimana kaedah ini adalah sangat efektif untuk kaedah temubual. Rakaman audio temubual ini juga dirakam menggunakan alat perakam audio hal ini kerana, segala maklumat yang penting berhubung kajian dapat dianalisis secara telus tanpa ada keciciran maklumat.

Sebanyak 4 orang responden dari Northport telah ditemubual. Tembual ini dilakukan di 3 tempat di dalam Northport iaitu di Human Capital Development, dan juga di gudang D2 dimana ia menempatkan barang Halal seperti Jadual 1.

Jadual 1: Latar belakang responden

Responden	Jawatan	Pengalaman di Northport	Pengalaman dalam sektor Halal Hab
R1	<i>Syariah Compliance</i>	10 tahun	10 tahun
R2	<i>Logistic Operation</i>	16 tahun	8 tahun
R3	Penyelia gudang	8 tahun	5 tahun
R4	Kerani gudang	7 tahun	7 tahun

Keempat-empat responden yang terlibat dalam temubual kajian ini terdiri daripada bahagian Syariah Compliance, Logistic Operation, penyelia gudang dan kerani gudang.

4.3 Meneroka Proses Kerja Pengendalian Hab Halal Di Northport.

Berdasarkan daripada analisis kualitatif, kajian mendapati, proses perlaksanaan Hab Halal di Northport adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 di bawah.



Rajah 2 Proses perlaksanaan Hab Halal di Northport

Syarikat Northport merupakan satu-satunya Pelabuhan di Malaysia yang menyediakan gudang halal bagi barang dagangan yang halal. Menurut responden 1, Northport telah menerima pensijilan halal bagi gudang D4 Northport Districtpark atau NDSB setelah berjaya menjalani audit bagi pengesahan halal di gudang tersebut

Menurut keempat-empat responden, proses penyediaan Hab Halal ini dikatakan rumit, ini kerana ia melibatkan kos yang tinggi serta masa yang lama ke arah penyediaan gudang ini. Hal ini bertepatan dengan (Ahmad Hidayat Buang *et al.*, 2013) di mana ia melibatkan proses yang berpanjangan dan kos yang lebih tinggi. Malah menurut responden juga, dalam proses tersebut ia termasuklah membersihkan kawasan gudang D2 seperti yang dituntut didalam Islam iaitu yang dipanggil ‘samak’. Hal ini juga bertepatan dengan dapatan kajian dari (Tieman, Vorst, & Che Ghazali, 2010) dimana samak adalah salah satu proses pembersihan. Proses samak merupakan proses yang agak rumit apabila kawasan gudang itu berkeluasan 14000 kaki persegi. Dalam pada itu, kos dalam pembikinan gudang itu juga dikatakan tinggi. Hal ini demikian kerana, menurut responden 3 dan 4, kawasan gudang tersebut hendaklah dipagar secara keseluruhan begitu juga dengan penyediaan kenderaan yang khusus bagi barang dagangan halal tersebut. Dalam pada itu, latihan juga diberikan untuk kakitangan Northport bagi mengendalikan Hab Halal ini. Ia ternyata satu proses yang agak sukar untuk dilakukan.

Walaubagaimanapun, gudang D4 NDSB ini terpaksa ditutup ekoran tiada permintaan daripada industri. Gudang D4 ini akhirnya dibuka untuk barang dagangan lain dan tidak lagi digunakan sebagai tempat penyimpanan barang halal. Menurut keempat-empat responden, pihak Northport telah mengalami kerugian apabila tempat yang telah disediakan khusus bagi barang halal tidak mendapat sambutan dan akhirnya dibuka semula untuk barang dagangan yang lain. Ekoran daripada itu, sebahagian kecil daripada D2 iaitu satu lot berukuran 30,000 kaki persegi di gudang D2 dijadikan tempat penyimpanan buah-buahan dan lot itu masih disewa sehingga kini.

4.4 Kerja pengendalian Hab Halal di Northport

Hasil kajian mendapati bahawa Northport hanya terlibat dengan aktiviti penyimpanan produk sahaja. Barang dagangan yang berbentuk kontena dari pelbagai negara didatangkan melalui kapal-kapal seterusnya menggunakan rubber-tyred gantry untuk mengangkat kontena tersebut daripada kapal. Kontena yang dicop mengandungi barang dagangan halal akan diasingkan daripada kontena lain untuk dibawa ke gudang yang dikhaskan. Sementara itu, kontena yang tidak dikategorikan halal akan melalui proses yang sama cuma tidak diasingkan. Ada diantara kontena yang mengandungi kosmetik, farmaseutikal dan sebagainya, tetapi tidak dikategorikan sebagai kontena yang perlu menjalani proses kepastian integriti halal. Hal ini demikian kerana, pengeksport tersebut tidak mahu barang dagangan mereka menjalani proses pengendalian Halal dan seterusnya kontena tersebut menjalani proses biasa seperti kontena yang lain.

Menurut responden 3, barang Halal daripada pengeksport akan dibawa masuk menggunakan kenderaan yang berbeza serta akan ditempatkan di gudang yang berbeza iaitu Districtpark 2 atau dipanggil D2. Contoh barang dagangan halal yang ada di Northport adalah buah-buahan dari China. Menurut responden 1, barang halal yang dibawa masuk adalah terhad, Hal ini demikian kerana, kurang industri yang mahu barang dagangan mereka dijaga sebagai barang halal yang perlu dipastikan integriti Halalnya. Hal ini dipengaruhi oleh pemilik barang dagangan Halal yang dimonopoli oleh orang bukan Islam dan pendedahan terhadap kepentingan integriti halal bagi masyarakat Islam yang sangat tinggi nilainya adalah kurang.

Tambah beliau, Northport juga tidak mempunyai garis panduan yang khusus bagi mewajibkan barang dagangan Halal tersebut menjalani proses penyimpanan halal. Justeru itu, hanya buah-buahan sahaja ditempatkan didalam gudang D2 iaitu Hab Halal di Northport. Menurut responden 3 yang merupakan supervisor untuk gudang D2 ini, bilik sejuk ini dikendalikan sepenuhnya oleh Syarikat Seng Heng. Beliau sebagai kakitangan Northport hanya bertanggungjawab dalam dokumentasi barang dagangan tersebut. Menurut beliau lagi, di dalam bilik sejuk ini terdapat lagi beberapa bilik yang mempunyai suhu berbeza mengikut jenis buah-buahan.

4.5 Meneroka Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Proses Kerja Pengendalian Hab Halal Northport

Faktor-faktor yang mempengaruhi proses kerja pengendalian hab halal di Northport tertumpu kepada faktor-faktor luaran iaitu garis panduan perlaksanaan hab halal, sokongan kerajaan, dan penglibatan JAKIM

4.5.1 Garis panduan perlaksanaan Hab Halal

Menurut keempat-empat responden, tiada garis panduan yang khusus daripada Northport berkenaan dengan Hab Halal ini. Ia dijalankan berdasarkan garis panduan daripada JAKIM iaitu Standard Malaysia yang dikategorikan sebagai ‘Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan Garis Panduan Umum (MS 1500:2009) dimana ia telah dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan Standard Malaysia.

Namun begitu, terdapat garis panduan daripada Northport tentang perlaksanaan kerja di setiap gudang termasuk gudang D2 yang menempatkan buah-buahan. Northport menawarkan dua pilihan untuk pelanggan, dimana yang pertama, segala aktiviti untuk barang dagangan akan dijaga oleh kakitangan Northport sendiri, dan yang kedua diserahkan kepada kakitangan pelanggan itu sendiri.

Sebagai contoh, Syarikat Seng Heng yang mengendalikan buah-buahan di Northport menggunakan kakitangan serta pengangkutan mereka sendiri. Begitu juga dengan bilik sejuk yang menempatkan buah-buahan tersebut dibina oleh Syarikat Seng Heng sendiri.

Hal ini menimbulkan keraguan terhadap integriti halal produk tersebut. Ini kerana, Syarikat Seng Heng merupakan pembekal buah-buahan yang dimiliki oleh kaum bukan Muslim. Oleh itu, keraguan timbul dari sudut latihan pekerja tentang pengendalian halal, kebersihan pengangkutannya serta pengetahuan tentang pentingnya integriti halal ini pada masyarakat Islam.

Hal ini demikian kerana, Northport sebenarnya hanya bertanggungjawab dalam membuat dokumentasi barang dagangan sahaja. Namun begitu, menurut responden 1 dan 2, setelah barang dagangan yang berbentuk kontena telah sampai di Pelabuhan, kawitangan Northport tidak mempunyai kuasa untuk memeriksa kontena tersebut walaupun barang dagangan tersebut merupakan barang halal seperti kosmetik dan sebagainya. Hal ini demikian kerana ingin menghormati piagam pelanggan yang tidak mahu barang dagangan mereka diperiksa tanpa persetujuan mereka. Northport hanya bertanggungjawab melakukan aktiviti pengangkutan serta penyimpanan barang dagangan sahaja.

4.5.2 Sokongan kerajaan

Responden 1 dan 2 menyatakan bahawa kurang sokongan dan campur tangan daripada kerajaan dalam mempromosikan logistik Halal merupakan salah satu punca isu yang membabitkan kurang permintaan daripada industri ini terjadi dan seterusnya gudang D4 ditutup. Walaupun pada dasarnya kerajaan menyokong pertumbuhan industri Halal ini, ia hanya memberikan sepenuh perhatian terhadap produk pengeluar dan Perusahaan Kecil Sederhana atau PKS dan bukan kepada syarikat perlabuhan seperti Northport. Menurut responden 1 dan 2, sokongan juga perlu diberikan terhadap syarikat yang menjalankan logistik halal. Hal ini demikian kerana, halal tidak hanya melibatkan hal-hal pengeluaran tetapi juga meliputi setiap peringkat iaitu penyimpanan, pengedaran dan pengendalian. Hal ini bertepatan dengan (Manzouri et al., 2013) yang menyifatkan halal juga meliputi proses pengangkutan, penyimpanan dan sebagainya.

Tambahan pula menurut responden 3, hal ini mengecewakan apabila industri tidak memahami keperluan dan kepentingan logistik untuk produk atau perkhidmatan Halal. Di samping itu, keperluan dalam melatih pembekal perkhidmatan logistik halal ni penting dalam memastikan integriti halal tetapi usaha yang dilakukan masih terhad dan tidak mencukupi. Selain itu latihan yang dianjurkan oleh pihak berkuasa tidak mencukupi dan tidak progresif serta tidak relevan dengan perniagaan mereka yang menjalankan aktiviti ini di pelabuhan.

4.5.3 Kerjasama JAKIM/HDC (Halal Development Corporation)

Responden 2 memberi pandangan terhadap isu-isu kerjasama bersama JAKIM dan HDC. Menurut beliau, sebelum ini, apa-apa perkara pensijilan seperti permohonan baru, permohonan semula, audit, dan sebagainya adalah di bawah kuasa HDC. Walau bagaimanapun pada tahun 2011, semua tanggungjawab tersebut telah beralih kepada JAKIM dan ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dan banyak lagi proses yang sukar.

Akibat dari peralihan kuasa ini segala permohonan atau audit mengambil masa yang lebih lama dan menyebabkan gangguan ke atas aktiviti perniagaan pemohon dan seterusnya hal ini menyebabkan industri tidak mahu menjalankan aktiviti halal pada barang dagangan mereka. Hal ini bertepatan dengan kajian (Talib & Johan, 2012). Tambahan pula, prosedur JAKIM adalah sukar untuk dipatuhi. Sebagai contoh, mereka telah diarahkan untuk melaksanakan samak (pembersihan ritual) ke kapal laut dan hal ini dari sudut pandangan responden, tidak masuk akal dan tidak kos efektif. "Bayangkan jumlah usaha, kerja, masa, wang dan tenaga yang diperlukan untuk melaksanakan perintah ini".

5. Perbincangan dan Rumusan

Hasil kajian mendapati bahawa Northport hanya bertanggungjawab terhadap penyimpanan barang dagangan serta proses dokumentasi barang sahaja. Tanggungjawab lain seperti pemeriksaan kontena dan peranan dalam mewajibkan pengekspor menjalani pengendalian halal adalah diluar kuasa Northport. Selain itu, ada diantara pengekspor yang tidak mahu barang dagangan mereka menjalani proses pengendalian Halal. Hal ini demikian kerana, majoriti daripada pengekspor adalah bukan daripada masyarakat Islam. Justeru itu, pendedahan atau pengetahuan tentang kepentingan integriti halal bagi masyarakat Islam yang sangat tinggi nilainya adalah kurang.

Dalam pada itu, barang halal yang dibawa masuk oleh industri juga adalah terhad. Hal ini juga berkait rapat dengan kontena yang mengandungi barang halal seperti kosmetik, farmaseutikal dan sebagainya, tidak dikategorikan sebagai barang halal oleh pengekspor. Northport juga tidak mempunyai garis panduan yang khusus bagi mewajibkan barang dagangan Halal tersebut menjalani proses penyimpanan halal. Proses penyediaan Hab Halal ini juga dikatakan rumit, hal ini kerana ia melibatkan kos yang tinggi serta masa yang lama ke arah penyediaan gudang halal. Selain itu, Northport juga telah mengalami kerugian apabila tempat yang telah disediakan khusus bagi barang halal tidak mendapat sambutan.

Kajian ini turut mendapati Northport juga menyerahkan tugas pengendalian barang dagangan kepada pelanggan mereka. Sebagai contoh, pembekal buah-buah iaitu Syarikat Seng Heng menggunakan kakitangan serta pengangkutan mereka sendiri di gudang D2 tersebut. Oleh itu, keraguan timbul dari sudut latihan pekerja tentang pengendalian halal, kebersihan pengangkutannya serta pengetahuan tentang pentingnya integriti halal ini pada masyarakat Islam.

Dalam pada itu, kakitangan Northport juga tidak mempunyai kuasa untuk memeriksa kontena tersebut walaupun barang dagangan tersebut merupakan barang halal. Hal ini demikian kerana mereka ingin menghormati piagam pelanggan yang tidak mahu barang dagangan mereka diperiksa tanpa persetujuan mereka. Selain itu, kurang sokongan dan campur tangan daripada kerajaan dalam mempromosikan logistik Halal didapati merupakan salah satu punca kurangnya permintaan daripada industri terjadi. Latihan yang dianjurkan oleh pihak berkuasa juga tidak mencukupi dan tidak progresif serta tidak relevan dengan perniagaan mereka yang menjalankan aktiviti ini di pelabuhan, dan akhir sekali tanggungjawab seperti audit dan sebagainya yang selama ini dibawah HDC telah beralih kepada JAKIM dan ini menyebabkan berlakunya kekeliruan dan banyak lagi proses yang sukar.

Terdapat beberapa limitasi yang terpaksa dihadapi semasa melaksanakan kajian ini iaitu:

- i. Kerjasama yang kurang daripada beberapa individu untuk membuat perjumpaan.
- ii. Terdapat beberapa dokumen daripada Syarikat yang tidak boleh dirujuk.
- iii. Kekangan masa daripada responden untuk ditemubual.

Bagi kajian yang akan datang, fokus terhadap faktor-faktor kurangnya permintaan daripada industri terhadap Hab Halal di pelabuhan dan peranan penguatkuasaan undang- undang yang ketat terhadap industri Hab Halal di Malaysia.

Secara keseluruhannya, kajian tentang pengendalian pengurusan rantaian bekalan halal di Northport ini dipilih kerana, Northport merupakan pelabuhan ke-16 tersibuk di dunia pada tahun 2007 dan merupakan satu platform untuk mengendalikan barang dan aktiviti perdagangan yang Halal. Kesimpulannya, isu halal dan haram bukan hanya melibatkan pada logo halal sahaja, ia juga melibatkan, keseluruhan proses rantaian bekalan bermula daripada pembuatan sehingga kepada pengguna. Kita sebagai umat Islam perlu prihatin dan peka terhadap isu yang melibatkan halal haram. Halal saja tidak mencukupi, malah produk terbabit perlu mempunyai kualiti serta integriti halal tinggi. Kita juga perlu

sedar yang halal haram ini bukan terhad kepada soal makan minum saja. Ia merangkumi segala aspek kehidupan baik dari segi ekonomi (terutama berkaitan jual beli, perdagangan dan kewangan), sosial, sains dan teknologi dan sebagainya. Secara jelasnya, konsep rantaian bekalan halal perlu diberi skop yang lebih luas agar ia lebih difahami oleh masyarakat, terutama masyarakat Islam sendiri. Kemudian barulah ia boleh disebar luaskan kepada masyarakat lain. Kerajaan juga perlu memainkan peranan yang penting dalam menyediakan kemudahan seperti mengadakan seminar dan kursus untuk meningkatkan kefahaman dalam membantu syarikat melaksanakan proses penyimpanan halal yang berkesan. Dengan adanya kajian ini maka industri logistik halal dapat dijadikan contoh sebagai pelaksana Hab Halal pada masa akan datang dengan lebih baik. Bukan hanya di Northport sahaja tetapi di seluruh pelabuhan di Malaysia dan masyarakat global Islam.

Penghargaan

Kajian ini adalah hasil sokongan pelbagai pihak terutamanya pihak pengurusan Northport dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan.

Rujukan

- Afifi, A. H. M., Mahyeddin, M. S. M., Wati, M. K., Asming, Y., Najib, S. O. S. M., Asmidah, A., Ariff, M. K. M. I. (2013). Consumer Protection of Halal Products in Malaysia Institute of Halal and Research Management (IHRAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Faculty of Syariah and Law , Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), *Middle-East Journal of Scientific Research*, 13(January), 22–28. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.16.s.10025>
- Ahmad Hidayat Buang, Z. (2013). Isu Dan Cabaran Badan Pensijilan Halal Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Volume 20(Issue 3), 271–288.
- Ahmad Hidayat Buang, Z., Muhammad Haziq Hassan, Tan, Kamaruddin, R., Iberahim, H., Shabudin, A., ... Zainuddin, Y. (2013). Applying the Theory of Planned Behavior (TPB) in halal food purchasing. *International Journal of Lean Six Sigma*, 23(2), 8–20. <https://doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2013.16.s.10025>
- C., C. M., & M., E. L. (1993). Characteristics of Supply Chain Management and the Implications for Purchasing and Logistics Strategy. *The International Journal of Logistics Management*, 4(2), 13–24. <https://doi.org/10.1108/09574099310804957>
- Kamaruddin, R., Iberahim, H., & Shabudin, A. (2012). Willingness to Pay for Halal Logistics: The Lifestyle Choice. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 50(July), 722–729. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.08.075>
- Making of a Champion in the Halal Distribution Network. (2007). Retrieved May 8, 2016, from Advertorial Northport, <http://www.mia.org.my/at/at/200709/10.pdf>
- Manzouri, M., Nizam Ab Rahman, M., Saibani, N., & Rosmawati Che Mohd Zain, C. (2013). Lean supply chain practices in the Halal food. *International Journal of Lean Six Sigma*, 4(4), 389–408. <https://doi.org/10.1108/IJLSS-10-2012-0011>
- Miles, M. , Huberman, M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Methods Sourcebook* (3rd ed.). Los Angeles: Sage Publications, Inc.
- Muhammad Haziq Hassan. (2016). Pelaksanaan Sistem Jaminan Halal Dalaman Kategori Premis Makanan di Negeri Melaka. Retrieved from <http://eprints.utm.edu.my/id/eprint/20717/>
- MS 1500: 2009 - Halal food. (2014). Retrieved May 8, 2016, from The Official Website of Department of Standards Malaysia,<http://www.jsm.gov.my/ms-1500-2009-halal-food>
- MS 2200-1:2008-Islamic Consumer Goods Part 1 and MS 2200-2: 2013 Islamic Consumer Goods Retrieved April 21, 2016, from <http://www.jsm.gov.my/ms-2200-1-2008-islamic-consumer-goods-part-1#.VzqKPP197IU>
- Omar, E. N., & Jaafar, H. S. (2011). Halal supply chain in the food industry - A conceptual model. *ISBEIA 2011 - 2011 IEEE Symposium on Business, Engineering and Industrial Applications*,

- (September), 384–389. <https://doi.org/10.1109/ISBEIA.2011.6088842>
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative evaluation and research methods*, 2nd ed. *Qualitative evaluation and research methods*, 2nd ed. Thousand Oaks, CA, US: Sage Publications, Inc.
- Riaz, M. N. & Chaudry, M. M. (2004). *Halal Food Production*. CRC Press.
- Shafie, S., & Othman, M. N. (2006). Halal Certification: an international marketing issues and challenges. Retrieved from file:///D:/Downloads/10.5923.j.mm.20170701.06 (1).pdf
- Shah Alam, S., Ali, M. Y., & Mohd. Jani, M. (2011). An Empirical Study of Factors Affecting Electronic Commerce Adoption among SMEs in Malaysia. *Journal of Business Economics and Management*, 12(2), 375–399. <https://doi.org/10.3846/16111699.2011.576749>
- Talib, M. S. A., & Johan, M. R. M. (2012). Issues in Halal Packaging: A Conceptual Paper. *International Business and Management*, 5(2), 94–98. <https://doi.org/10.3968/j.ibm.1923842820120502.1080>
- Talib, Z., Zailani, S., & Zainuddin, Y. (2010). Conceptualizations on the Dimensions for Halal Orientation for Food Manufacturers: A Study in the Context of Malaysia. *Pakistan Journal of Social Sciences*. <https://doi.org/10.3923/pjssci.2010.56.61>
- Tieman, M., Vorst, J. G. A. J. van der, & Che Ghazali, M. (2010). Principles in halal supply chain management. *Journal of Islamic Marketing*, 3(3), 217–243.